



Istilah

Agregat Kewangan	Butiran kewangan yang membentuk penawaran wang secara keseluruhan.
Akaun Barangan	Nilai pasaran bersih bagi semua barangan yang bertukar milik hasil daripada eksport dan import di antara pemastautin dan bukan pemastautin.
Akaun Modal	Aliran keluar masuk dalam bentuk pinjaman jangka panjang dan pelaburan asing.
Akaun Perkhidmatan Imbangan Pembayaran	Meliputi bayaran fret dan insurans, perjalanan, pengangkutan lain, urus niaga Kerajaan, pendapatan, pelaburan dan bayaran-bayaran perkhidmatan lain di antara pemastautin dan bukan pemastautin.
Akaun Semasa Imbangan Pembayaran	Terdiri daripada akaun dagangan, akaun perkhidmatan dan pindahan bersih.
Aset	Semua harta tahan lama seperti kediaman, bangunan dan jentera.
Bayaran Balik Awal	Bayaran balik hutang yang dibuat sebelum tarikh matang.
Bayaran Khidmat Hutang	Bayaran faedah ke atas hutang yang ditanggung.
Bayaran Pindahan	Bayaran yang dibuat oleh Kerajaan kepada badan berkuasa atau individu tanpa mendapat faedah kewangan daripada pemberian tersebut.
Cagamas Berhad	Sebuah perbadanan yang ditubuhkan bagi mewujudkan satu portfolio pengurusan institusi kewangan yang lebih fleksibel melalui penjualan pinjaman perumahan mereka kepada pasaran cagaran kedua.
Cukai Langsung	Cukai yang dikenakan secara langsung kepada pembayar cukai seperti cukai pendapatan.
Cukai Tak Langsung	Cukai yang dikenakan ke atas barang atau perkhidmatan.
Duti Timbal balas	Cukai yang dikenakan ke atas barang yang dibawa masuk untuk mengganti rugi cukai yang dikenakan ke atas barang tempatan.

Emolumen	Gaji dan elaun yang berkaitan.
Faedah Berbanding	Faedah yang didapati oleh negara-negara yang berdagang hasil daripada keupayaan bersaing, kecekapan dan potensi semulajadinya.
Hak Pengeluaran Khas	Unit mengukur mata wang Kumpulan Wang Antarabangsa.
Halangan-halangan Bukan Tarif	Segala tindakan Kerajaan yang bukan berbentuk cukai yang boleh mengubah corak perdagangan biasa, termasuk had-had kuantitatif, subsidi, amalan pembelian Kerajaan serta halangan-halangan teknik terhadap perdagangan.
Harga Ambangan	Paras harga sesuatu barangan utama yang boleh/akan dikenakan cukai.
Harga Purata Wajaran	Harga purata bagi semua jenis keluaran yang diwajibkan mengikut sumbangan kepada jumlah jualan.
Harga Semasa atau Nilai Semasa	Nilai yang mengambilkira kenaikan harga.
Harga Tetap atau Nilai Benar	Nilai semasa ditolak kenaikan harga atau nilai pada harga dalam tahun asas.
Hasil Bukan Cukai	Hasil yang diperolehi daripada sumber-sumber bukan cukai seperti lesen, permit dan bayaran perkhidmatan.
Hutang Dalam Negeri	Tanggungan hutang akibat daripada pinjaman yang dibuat dalam negeri.
Hutang Negara	Tanggungan hutang negara kepada negara-negara luar atau institusi- institusi kewangan luar negeri.
Imbangan Asas	Imbangan akaun semasa dan imbangan akaun modal jangka panjang dalam imbangan pembayaran.
Imbangan Keseluruhan	Terdiri daripada imbangan akaun semasa, imbangan akaun modal, modal jangka pendek bersih serta ralat dan ketinggalan dalam imbangan pembayaran.
Imbangan Pembayaran	Rekod urus niaga sesebuah negara dengan negara-negara lain, iaitu akaun urus niaga di antara penduduk sesebuah negara dengan penduduk negara-negara lain.
Indeks Harga Pengeluar	Indeks ini berasaskan kepada formula Laspeyres dan bertujuan untuk mengukur perubahan kadar purata di dalam semua harga barangan yang dikenakan oleh pengeluar dan dibayar oleh pengimport. Tahun 1989 merupakan tahun asas.

Indeks Harga Pengguna	Indeks ini berasaskan kepada formula Indeks Laspeyres yang mengukur perubahan purata harga-harga sekumpulan barang-barang dan perkhidmatan yang ditetapkan dan yang mewakili corak perbelanjaan sebuah isi rumah sederhana di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Tahun 1994 merupakan tahun asas.
Indeks Komposit Kuala Lumpur	Indeks ini menggambarkan prestasi berbagai sektor di Bursa Saham Kuala Lumpur. Indeks ini yang mengambil tahun 1977 sebagai tahun asas telah ditambah daripada 86 kaunter kepada 100 kaunter dalam tahun 1995 bagi mencerminkan prestasi pasaran dengan lebih berkesan.
Indeks Perusahaan	Indeks yang menggambarkan prestasi urusanniaga saham sektor perusahaan yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur pada sesuatu masa.
Jurang Tabungan-Pelaburan	Perbezaan di antara tabungan dan pelaburan.
Kadar Faedah Antara Bank	Kadar faedah yang dikenakan atas pinjaman antara bank.
Kadar Pemberian Pinjaman Asas (BLR)	Kadar faedah pinjaman utama yang dikenakan oleh pihak bank kepada peminjam-peminjam yang mempunyai keupayaan pembayaran balik yang tinggi. Biasanya kadar ini meliputi kos dana dan pentadbiran tanpa mengambil kira sebarang unsur keuntungan.
Kawasan Perdagangan Bebas	Satu peraturan perdagangan di mana ahli-ahli menghapuskan tarif-tarif sesama sendiri tetapi adalah bebas untuk mengenakan tarif ke atas negara ketiga.
Aktiviti Hiliran	Pengeluaran yang melibatkan pemprosesan lanjutan bagi meningkatkan nilai ditambah keluaran terbaru di pasaran.
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh penduduk-penduduk dalam negeri.
Keluaran Negara Kasar (KNK)	Jumlah nilai pendapatan negara. Ia berbeza dengan KDNK kerana KNK mengambil kira penerimaan dan bayaran perkhidmatan faktor, iaitu bayaran bersih faedah hutang di luar negeri dan perolehan bersih daripada keuntungan perniagaan dan dividen.
Keperluan Rizab Berkanun	Kumpulan Wang Berkanun yang mesti disimpan di Bank Negara Malaysia oleh institusi-institusi kewangan.
Kesatuan Eropah	Persatuan lima belas negara Eropah yang bertujuan mewujudkan kawasan yang membenarkan antara lain, pergerakan bebas barangan, modal, perkhidmatan dan buruh di kalangan mereka. Kesatuan ini dianggotai oleh Belanda, Ireland, Portugal, Sepanyol, Jerman, Itali, Belgium, Luxembourg, Greece, United Kingdom, Perancis, Denmark, Austria, Finland dan Sweden.

Khidmat Hutang	Bayaran faedah dan bayaran balik pokok ke atas hutang yang ditanggung.
Kontrak Kongsi Pengeluaran	Kontrak pengeluaran petroleum iaitu di antara PETRONAS dengan syarikat-syarikat minyak yang lain atau syarikat-syarikat carigali.
Kos, insurans dan fret (c.i.f.)	Nilai eksport atau import barangan sehingga ke tempat kastam, termasuk kos pengangkutan antarabangsa dan insurans.
Kumpulan Wang Bekalan Air	Satu kumpulan wang yang diwujudkan oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk membiayai perkhidmatan bekalan air.
Kumpulan Wang Berkanun	Kumpulan wang yang diwujudkan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.
Kumpulan Wang Pembangunan	Dana kewangan yang dikhaskan untuk perbelanjaan pembangunan negara.
Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia	Dana kewangan untuk membiayai perbelanjaan latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerja menerusi satu sistem levi yang dikenakan ke atas para majikan di sektor perkilangan yang mempunyai 50 pekerja atau lebih.
Liputan Keluaran	Pembahagian hasil-hasil pengeluaran kepada kumpulan-kumpulan tertentu.
Menghadkan Bayaran Khidmat Tahunan (Interest Cap Policy)	Bayaran terhad bagi hutang luar yang dihadkan kepada sesuatu jumlah yang ditetapkan.
Mudah tunai	Harta-harta bentuk tunai atau amat mudah ditunaikan.
Negara-negara Ekonomi Perindustrian Baru (NIE)	Biasanya dirujuk kepada negara-negara yang telah mencapai tahap industrialisasi yang tinggi dengan sumbangan sektor perkilangan kepada KDNK melebihi 50 peratus dan pendapatan per kapita tinggi. Negara-negara yang digelar sebagai NIE sekarang ialah Republik Korea, Singapura, Taiwan dan Hong Kong.
Negara-negara Perindustrian Utama	Merangkumi tujuh buah negara iaitu Amerika Syarikat, Jepun, Jerman, United Kingdom, Perancis, Itali dan Kanada.
Nilai Ditambah	Perbezaan antara nilai 'output' dan nilai 'input' sesuatu keluaran.
Nisbah Hutang-Modal	Nisbah yang mengukur corak pembiayaan yang melibatkan pinjaman dan modal. Nisbah yang tinggi menunjukkan pinjaman melebihi jumlah modal.
Nisbah Mudah tunai	Nisbah di antara harta semasa dengan tanggungan semasa.

Nisbah Khidmat Hutang	Khidmat hutang luar negeri sebagai peratus kepada nilai eksport barangan dan perkhidmatan negara kasar.
Pelaburan	Perbelanjaan ke atas modal tetap dengan tujuan mendapat pulangan pada masa hadapan.
Pembentukan Modal Tetap Kasar	Perbelanjaan pelaburan ke atas jentera dan loji dan perbelanjaan bagi memajukan tanah dan membina bangunan.
Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR)	Kemudahan kredit yang disediakan kepada pengeksport Malaysia dengan kadar konsesi, termasuk pasca-penghantaran (post-shipment) dan pra-penghantaran (pre-shipment).
Penawaran Wang	Penawaran wang secara keseluruhannya mengandungi M1, M2 dan M3. M1 adalah merujuk kepada mata wang dalam edaran dan deposit semasa sektor swasta. M2 pula mengandungi M1 dan deposit tetap serta deposit tabungan di bank perdagangan, instrumen deposit boleh niaga dan sijil Bank Negara Malaysia. Sementara M3 pula mengandungi M2 dan deposit tetap dan tabungan di bank saudagar, syarikat kewangan dan syarikat diskaun.
Penggunaan	Perbelanjaan ke atas barangan dan perkhidmatan untuk kegunaan semasa dan tidak akan menghasilkan keluaran.
Peraturan Perdagangan Istimewa (PTA)	Skim untuk menggalakkan perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN melalui potongan tarif.
Perbelanjaan Mengurus	Perbelanjaan yang dibuat untuk tujuan mengurus atau keperluan semasa.
Perbelanjaan Pembangunan	Perbelanjaan untuk membiayai projek-projek pembangunan.
Percuma Ke atas Kapal (f.o.b.)	Nilai eksport atau import barangan yang dinilai pada tempat kastam tetapi tidak termasuk kos pengangkutan antarabangsa dan insurans.
Perdagangan Tidak Adil	Perdagangan yang dijalankan menurut asas faedah berbanding tetapi tidak diperolehi daripada sumber-sumber yang sah. Contohnya, GATT telah mengiktiraf lambakan barang-barang dan subsidi sebagai amalan perdagangan yang tidak adil.
Pinjaman Pasaran	Pinjaman-pinjaman yang diperolehi dari pasaran wang antarabangsa.
Pinjaman Projek	Pinjaman yang dibuat khas untuk pembiayaan sesuatu projek.
Rizab Luar Negeri	Terdiri daripada emas (monetary gold), pertukaran wang asing, Hak Pengeluaran Khas dengan IMF, kedudukan rizab di IMF dan penggunaan kredit IMF, yang disimpan oleh Bank Negara Malaysia dan harta luar negeri bersih bank-bank perdagangan.

Rundingan Perdagangan Berbilang Hala	Rundingan di bawah anjuran Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan untuk mengurangkan tarif supaya pemakaiannya dapat digunakan kepada kesemua negara-negara anggota.
Skim Perasionalan Penawaran	Satu skim dilaksanakan oleh Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) untuk mengurangkan lebihan stok timah di pasaran dunia iaitu dengan mengenakan kuota eksport.
Instrumen Deposit Boleh Niaga	Instrumen deposit yang dikeluarkan oleh bank perdagangan dan bank saudagar yang boleh diperniaga dan ditunaikan.
Sistem Keistimewaan Am	Konsesi-konsesi perdagangan dari segi kuota atau kadar tarif yang rendah yang biasa diberi oleh negara maju kepada pengeksport dari negara sedang membangun.
Sistem Upah Berasaskan Produktiviti	Sistem bayaran upah mengikut peningkatan produktiviti dan prestasi syarikat.
Tabungan Sektor Awam	Lebihan pendapatan sektor awam setelah ditolak perbelanjaan penggunaan.
Tabungan Sektor Swasta	Lebihan pendapatan sektor swasta setelah ditolak perbelanjaan penggunaan ke atas barangan dan perkhidmatan.